

UPM juara edisi sulung TPBR

Pasukan mendayung johan kategori universiti, lelaki dan wanita

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@NSTP.com.my

Putrajaya: Pasukan mendayung Universiti Putra Malaysia (UPM) membuktikan mereka berada di kelas tersendiri apabila meraih juara berganda pada edisi sulung kejohanan *The Putrajaya Boat Race* (TPBR) 2019 di Tasik Putrajaya selepas mengungguli kategori universiti lelaki dan wanita, baru-baru ini.

Bagi kategori lelaki, pasukan UPM menewaskan Universiti Malaya (UM) pada aksi final seterusnya membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500 berserta piala pusingan, manakala kategori wanita menggenepikan UM dan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 dan pingat.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed yang turut menyaksikan pertandingan akhir sambil menelusuri Tasik Putrajaya dengan menaiki bot bersama isteri, Tun Dr Siti Hasnah Mohamad Ali.

TPBR adalah cetusan idea Perdana Menteri bertujuan mewujudkan tradisi perlumbaan bot laju antara universiti sebagaimana dibuat di London, Amerika Syarikat dan Jepun.

Kejohanan yang akan dijadi-



Pasukan mendayung lelaki dan wanita UPM Muncul juara Kejohanan The Putrajaya Boat Race (TPBR) 2019 Tasik Putrajaya.

kan acara tahunan itu dianjurkan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Kelab Tasik Putrajaya.

Sebanyak 140 peserta daripada 14 pasukan berentap dalam tujuh kategori pertandingan antaranya membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT), pasukan beruniform, pelajar universiti (lelaki dan wanita), universiti Alliance (lelaki dan wanita) dan sekolah menengah.

Sementara itu, Timbalan Naib

Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman, berkata kejayaan UPM mengungguli dua kategori itu berjaya mengubati kekecewaan pada Karnival Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), baru-baru ini.

Beliau berkata, kekuatan UPM adalah hasil program terancang yang menitikberatkan kecerga-

san dan kawalan pemakanan melalui latihan intensif yang diadakan bermula awal Februari lalu.

Katanya, UPM juga terbabit secara langsung dalam merealisasikan cetusan Perdana Menteri melalui penyediaan kertas kerja TPBR yang diadakan dengan kerjasama PPj dan Kelab Mendayung Tasik Putrajaya.

“Selain dapat mewujudkan sebuah pasukan mantap, kejohanan disertai pelajar itu juga menjadi

medan latihan dan persediaan peserta bagi menghadapi pertandingan mendayung pada peringkat kebangsaan November nanti.

“Sekiranya diberi peluang, UPM berhasrat menjadi peneraju bagi membangunkan kecemerlangan sukan mendayung seperti mana sukan ragbi yang sudah kita adakan terutama dalam melahirkan lebih ramai atlet negara bagi diketengahkan pada peringkat antarabangsa,” katanya.